

Utamakan makanan bukan rokok

Written by Media Baru



PUTRAJAYA, 31 Mei- Implikasi penggunaan tembakau bukan sahaja memudaratkan kesihatan malah secara tidak langsung memberi kesan kepada pencemaran alam sekitar.

Dalam Islam, apa sahaja perbuatan yang membawa kemudarat dan pembaziran sangat ditegah.

Ikuti laporan khas wartawan JAKIM Alisa Yusra bersempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia yang bertemakan 'Utamakan Makanan bukan Rokok demi Kesihatan'.

Hari Tanpa Tembakau Sedunia disambut pada 31 Mei setiap tahun bertujuan memberi kesedaran tentang keburukan penggunaan tembakau terhadap kesihatan manusia dan bumi, sekali gus bagi mengurangkan penyakit, kematian dan kesan-kesan sampingan.

Kesan kesihatan akibat penggunaan tembakau sudah didokumentasikan berdekad lamanya.

Malah tabiat merokok secara konsisten menyebabkan lebih lapan juta kematian setiap tahun di seluruh dunia.

"Sesungguhnya isu merokok adalah isu yang dipandang remeh oleh sesetengah pihak, tetapi sebenarnya besar kesan kepada sistem kesihatan badan dan alam sekitar. Malah, Islam sangat tidak menyukai pembaziran dan kemudaratkan

Oleh kerana itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-37 pada 23 Mac 1995 telah memutuskan tabiat merokok haram mengikut pandangan Islam.



(Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, Jamali Mohd Adnan)

"Sebab itu kalau kita lihat dalam hadis nabi disebut bahawa nabi saw bersabda: Ayat al-Quran: Allah Taala itu baik dan hanya menerima yang baik-baik sahaja. Jadi apa-apa perkara yang membawa kepada kerosakan, membawa kepada kerugian, membawa kepada pencemaran dan seumpamanya sewajarnya kita elakkan.

"Kita jauhi bukan sekadar bahayanya untuk diri tubuh badan kita, keluarga kita, masyarakat kita tapi yang paling utama kesan kepada alam sekitar dan apa yang disebut sebagai simpanan makanan pada masa hadapan dan bukan sekadar penghasilan makanan berlaku, tetapi makanan yang telah tercemar," kata Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, Jamali Mohd Adnan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), industri tembakau adalah ancaman besar tanpa disedari yang menjadi salah satu daripada punca pencemaran terbesar dunia disebabkan penghasilan dua bahan kimia utama daripada rokok iaitu karbon dioksida dan metana yang berbahaya.

"Dari segi pencemaran udara ni kalau kita lihat, negara kita pernah mengalami jerebu, apabila berlaku jerebu penembusan cahaya matahari akan berkurang dan pokok tidak akan menjadi begitu produktif.

"Kalau yang kita lihat perubahan iklim yang berlaku masa sekarang ini adalah cuaca yang panas dan agak tinggi. Kesan cuaca panas sekarang ini terutamnya kemarau boleh menyebabkan gangguan kepada pengeluaran bahan tanaman. Kalau kita lihat kawasan sawah yang memerlukan air yang banyak untuk penanaman mungkin boleh terjejas," kata Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan.

Sememangnya industri rokok telah memberi manfaat ekonomi dan sosial yang cukup besar kepada negara dan penanaman tembakau menjadi tumpuan ekonomi bagi sebahagian petani.

Namun di sisi yang lain, asap rokok sedikit sebanyak berpotensi menjadi punca perubahan iklim dunia dan menjelaskan kualiti tanaman sehingga mengakibatkan krisis sekuriti bekalan makanan negara pada masa akan datang.

Betul jika anda menghisap sebatang rokok ia tidak terlalu menyumbang kepada pencemaran dan kesihatan, namun jika dihitung menerusi statistik, puntung rokok merupakan sampah paling banyak dijumpai di dunia, dan selain itu sebanyak 20,000 kematian direkodkan setiap tahun di Malaysia akibat rokok. Sememangnya tidak mudah namun marilah kita sama-sama berganding bahu agar kemaslahatan dunia dapat dipelihara.



(Laporan khas wartawan Alisa Yusra)

Hak Cipta Terpelihara © 2015 Radio Televisyen Malaysia.